

27 MAR 1999

Mahathir-Perutusan

MAHATHIR MINTA UMAT ISLAM ELAK PERPECAHAN, PERBALAHAN

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta umat Islam di negara ini menjauhi sikap mementingkan diri sendiri atau mementingkan sesuatu kumpulan yang boleh menjurus kepada perpecahan dan perbalahan sesama mereka.

Sambil menasihatkan umat Islam supaya terus bersatu padu, Perdana Menteri berharap mereka sentiasa menjaga maruah dan mengelak daripada mencemar kesucian Islam kerana dorongan nafsu dan perbuatan tidak bertanggungjawab.

Dalam perutusan sempena sambutan Hari Raya Aidiladha esok, beliau berkata: "Sempena hari yang mulia ini, saya ingin menyeru semua umat Islam di Malaysia agar sentiasa menjaga silaturahim antara kita sesama Muslim."

Keadaan negara yang aman telah membolehkan kerajaan memajukan masyarakat Islam supaya setanding dalam apa jua lapangan dengan rakan-rakan mereka yang bukan beragama Islam, katanya.

Dr Mahathir berkata sehingga kini, kemajuan masyarakat Islam Malaysia boleh dibanggakan dan sedikit sebanyak orang Islam dapat membuktikan kemampuan mereka yang tidak kurang berbanding kaum-kaum lain.

"Inilah usaha kita untuk menebus maruah orang Islam yang selama ini dipandang rendah oleh sesetengah pihak," katanya.

Dr Mahathir berkata masyarakat Islam di negara ini harus bersyukur kerana dapat menikmati kemajuan dan kesenangan, tidak seperti saudara seagama mereka di Kosovo dan Palestin yang tertekan dan ditindas.

Keadaan di Malaysia hari ini, terutama daripada segi kehidupan harian rakyat, jauh lebih baik berbanding kebanyakan negara lain di rantau ini yang turut terjejas akibat serangan terhadap mata wang dan pasaran saham oleh golongan yang mengaut keuntungan daripada kesusahan orang lain.

"Kita telah berjaya mematahkan niat jahat mereka dan mengekalkan kebebasan negara kita. Dan yang penting sekali, langkah-langkah kerajaan mengimbangkan perbezaan ekonomi antara kaum telah berjaya mengekalkan keharmonian dan keamanan antara kita sesama Islam dan rakan kita yang bukan beragama Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata keharmonian dan keamanan inilah yang membolehkan rakyat yang menganuti pelbagai agama di negara ini mengikuti ajaran masing-masing dengan sempurna tanpa diganggu-gugat.

Perdana Menteri berkata perayaan tahun ini lebih bermakna kerana berkat pengorbanan dan kerjasama rakyat Malaysia dalam menyokong dasar-dasar yang ditetapkan, kerajaan berjaya sedikit sebanyak menangani kegawatan ekonomi yang menimpa negara.

-- BERNAMA

MAM MAI